

Kerajaan pusat berhak menuntut RM89j

SHAH ALAM - Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 dibina dengan peruntukan lebih RM100 juta di atas kerajaan persekutuan, manakala kerajaan negeri diberi tanggungjawab menguruskannya.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar berkata, walaupun kerajaan persekutuan menanggung kos pembinaan tetapi sewa bulanan dikutip oleh kerajaan negeri.

Beliau berkata, kerajaan pusat juga berhak membuat tuntutan balas sebanyak RM89 juta daripada kerajaan negeri yang gagal menguruskan perumahan tersebut dengan baik.

"Rumah dan tanah milik kerajaan pusat, kerajaan negeri hanya uruskan. Mereka kutip sewa bulanan tetapi bila rosak kerajaan pusat yang keluar duit.

"Lebih baik kerajaan pusat ambil semula PPR Lembah Subang 1 untuk dituruskannya. Malangnya kerajaan negeri tunj RM60 juta walaupun sebelum ini gagal mengurus dengan baik," katanya.

Noh berkata demikian mengulas kenyataan Exco Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad yang menuntut kerajaan persekutuan membayar RM60 juta bagi menanggung kesemua kos penyelenggaraan dan baik pulih sejak 2001.

Beliau yang juga Pengerusi Umno Selangor kesal dengan sikap kerajaan negeri yang tidak menjaga kebajikan penduduk di PPR Lembah Subang 1.

Noh berkata, semenjak kerajaan PKR bertadbir Selangor pada 2008 pelbagai masalah yang membelenggu penduduk akibat kelemahan Kerajaan Selangor menguruskan perumahan itu.



Penduduk PPR Lembah Subang 1 sebelum ini pernah membuat demonstrasi menyokong pembaharuan yang dilakukan KPKT.

Sebelum ini katanya, penduduk bukan sahaja berdepan dengan masalah sampah, tetapi juga lif rosak, tangki kumbahan dan paip bocor sehingga menjejaskan kesihatan penduduk.

"Untuk baiki lif sahaja kerajaan persekutuan peruntukkan RM16 juta. Kita juga bercadang meningkatkan prasarana seperti tempat letak kereta bertingkat, CCTV dan landskap.

"Kerajaan negeri tak pernah ambil tahu, jadi Iskandar jangan nak jadi hero kononnya prihatin dengan penduduk di PPR," katanya.

Mengulas dakwaan Iskandar bahawa kerajaan persekutuan akan menghalau penduduk yang enggan mendaftar, Noh berkata, ia adalah proses pemutihan untuk memastikan hanya penghuni yang layak menduduki PPR itu.

"Bila nak ambil balik dalam keadaan tak teratur, banyak unit yang kosong dan ada yang rosak. Malah ada unit disewakan kepada orang lain, warga asing dan sebagainya yang perlu di-

info

• 3,000 unit x sewa RM124 x 12 bulan x 15 tahun = RM67 juta

• Penyelenggaraan dari 2001-2003 = RM22 juta

• Kos keseluruhan = RM89 juta

buat pemutihan," katanya.

Oleh itu, Noh memberi amaran kepada Iskandar dan kerajaan negeri agar tidak menghalang usaha kerajaan pusat memberi kehidupan yang lebih baik kepada penduduk di PPR Lembah Subang 1.

"Kerajaan persekutuan tidak pernah ber-kira dengan kos yang dikeluarkan tetapi sikap kerajaan negeri menjengkelkan kerana lebih pentingkan politik daripada kebajikan rakyat," katanya.

Bukti baharu ditemui

SHAH ALAM - Polis mengesahkan penemuan botol minuman 100 plus tidak jauh dari lokasi mangsa kebakaran dijumpai yang di-

LELAKI MAUT MELECUR

syaki ada kaitan dengan kes berkenaan.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Shafien Mamat berkata, botol kosong berkenaan akan dihantar ke Jabatan Kimia bagi mengenal pasti sama ada bekas itu digunakan untuk mengisi petrol atau sebaliknya.

"Pada masa sama, majikan tempat mangsa bekerja di gerai lemang di Rawang juga dipanggil untuk soal siasat.

"Mengikut siasatan awal juga, terdapat sebuah motosikal dipercayai milik mangsa ditinggalkan di stesen Petronas Setia Alam, bagaimanapun sebaik polis tiba di situ motosikal sudah tiada, jadi kita akan tengok rakaman CCTV untuk bukti-bukti dakwaan tersebut," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, kes berkenaan tidak mempunyai kaitan dengan samun apabila wang tunai dan dokumen milik mangsa seperti MyKad tidak teruskan.

"Terdapat dua not RM20 dan RM50 dalam dompetnya, meskipun mangsa terbakar teruk namun bahagian poket seluar berisi dompet tidak terbakar.

"Polis menyiasat kes tersebut berkaitan pekerjaannya atau keluarga," katanya.

Dalam pada itu katanya, hasil bedah siasat mendapati punca kematian mangsa adalah disebabkan melecur.

"Polis menyiasat kes tersebut sebagai mati mengejut sehingga terdapat petunjuk baru," katanya.

Khamis lalu, seorang penjual lemang ditemui dalam keadaan terbakar dalam longkang berdekatan Plaza Tol Setia Alam sekitar jam 4.05 pagi.

Beberapa jam selepas itu mangsa disahkan meninggal dunia sekitar jam 3 petang ketika dirawat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang.

Tanah runtuh: Dua kereta terjunam dalam longkang

KUALALUMPUR - Dua kereta mengalami kerosakan akibat kejadian tanah runtuh di kawasan parkir kenderaan berdekatan Flat Taman Midah, Cheras, di sini, awal pagi semalam.

Kejadian dipercayai berpunca daripada saluran paip air bawah tanah yang pecah sehingga mengakibatkan berlaku mendapan.

Ketua Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Zamani Ismail berkata, pihaknya menerima panggilan awam jam 6.46 pagi.

Menurutnya, tujuh anggota bersama satu jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Tun Razak dikerahkan ke lokasi bagi bantuan.

"Pasukan penyelamat yang tiba di lokasi jam 7.02 pagi mendapati ter-

dapat kejadian tanah runtuh, namun tidak membabitkan mangsa.

"Tianya dua kereta model Proton Wira dan Honda Jazz didapati masuk ke dalam longkang akibat kejadian itu," katanya.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mhd Amin Nordin Abd Aziz berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil langkah segera melaksanakan kerja-kerja pengukuhan kawasan terjejas.

Katanya, ia termasuk mengambil semula tanah dan pemantauan dengan lebih kerap.

"Penduduk berhampiran diminta tidak guna kawasan berkenaan bagi elak kejadian berulang," katanya.



Kedudukan kereta yang jatuh ke longkang di kawasan terjejas akibat mendapan dan tanah runtuh.

Pemilik tak sempat alih

PEMILIK kenderaan, Wan Fatimah Wan Long, 28, berkata, dia terperanjat melihat kereta Honda Jazz miliknya berada dalam longkang selepas menerima panggilan telefon daripada pengawal keselamatan kira-kira 5.30 pagi semalam.

Jururawat di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia itu berkata, ketika kejadian terdapat kira-kira lima kenderaan diletakkan di tempat parkir itu bagaimanapun tiga daripadanya tidak terjejas dan sempat dialihkan, manakala sebuah lagi kereta rosak di bahagian belakang dan bawah.

"Saya terima panggilan daripada pengawal keselamatan dan rakan juga telefon suruh saya turun tengok keadaan kereta. Bila saya turun kereta memang sudah tenak," katanya yang memaklumkan ia kejadian kedua berlaku sepanjang 12 tahun dia menetap di flat berkenaan. - Bernama